

KHUTBAH JUMAAT USIM
Mengimarahkan Budaya Infaq

Zulkifli Hasan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدُّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, saya memperingatkan diri saya dan sidang jemaah yang dimulihkan sekalian, marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah *subhanahu wataala* dengan sebenar-benar takwa, dengan mengerjakan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya mudah-mudahan dengan jalan ini kita akan selamat di dunia dan di akhirat. Ini amat bertepatan dengan firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (al-Hujurat: 13).

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah sekalian,

Mimbar hari ini ingin mengambil peluang membicarakan secara ringkas khutbah yang bertajuk "Mengimarahkan Budaya Infaq". Bersesuaian dengan situasi dan isu yang melanda umat Islam terutamanya dari aspek sosio-ekonomi dan kemanusiaan, budaya infaq dan bersedekah merupakan satu perkara yang amat dituntut oleh Islam. Budaya infaq ini juga akan dapat memastikan budaya kebergantungan kepada kerajaan dan pemerintah dapat dikurangkan dan seterusnya menjadikan sesebuah masyarakat itu bebas dan berdikari. Sebelum mimbar membicarakan konsep infaq ini, adalah amat bermanfaat untuk kita melihat secara ringkas kedudukan dan amalan infaq ini dalam konteks umat Islam di Malaysia. Mungkin ia bermanfaat untuk kita koreksi dan muhasabah tentang sejauh mana umat Islam menghayati tuntutan infaq atau bersedekah ini dalam Islam.

Dari sudut infaq wajib iaitu zakat. Dilaporkan hanya 10% umat Islam di Malaysia yang membayar zakat iaitu mewakili 1.74 juta sahaja daripada 17.35 juta umat. Agak mendukacitakan juga apabila dianggarkan hanya sejumlah 4.2% golongan profesional di Malaysia yang melaksanakan pembayaran zakat pendapatan dan lebih 80% syarikat orang Islam tidak membayar zakat. Daripada jumlah yang membayar zakat ini termasuk zakat syarikat sebanyak lebih RM1.6 bilion dapat dikutip oleh pusat zakat pada 2012. Ini membuktikan bahawa potensi infaq bagi umat Islam di Malaysia adalah sangat besar dan perkara ini perlu diberikan perhatian oleh semua umat Islam. Begitu juga dengan sedekah yang masih belum sampai ke tahap ia dibudayakan. Kita sering kali mendengar dan menyaksikan kedhaifan sesetengah umat Islam yang memerlukan bantuan di media massa dan masalah tidak cukup dana pertubuhan kebajikan Islam yang ingin memberi bantuan.

Bersesuaian dengan perkembangan yang berlaku di dunia Islam termasuk tanahair kita mengenai keperluan memupuk budaya infaq ini dari segenap lapisan, khutbah pada hari ini akan cuba membicarakan secara ringkas Infaq atau sedekah dan kedudukannya dalam Islam.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah,

Bagi membicarakan konsep infaq ini, adalah amat penting untuk kita umat Islam memahami konsep dan epistemologinya. Sedekah adalah suatu sunnah dan amalan para sahabat yang sangat mulia. Dalam tradisi Islam ia merujuk kepada zakat, sedekah, derma, hadiah, hibah dan lain-lain. Zakat adalah amalan wajib ditunaikan oleh umat Islam yang berkemampuan manakala sedekah adalah amalan sunat yang sangat dituntut. Ia merupakan pemberian sesuatu kepada orang yang memerlukan dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah SWT dan merupakan amalan yang mulia serta mencakupi perkara yang mendatangkan kebaikan dari sekecil-kecil sehinggalah sebesar-besarnya.

Tuntutan bersedekah ini perlu disandarkan pada niat yang ikhlas kerana Allah SWT demi untuk kebajikan pihak yang memerlukan dan tidak mengharap pujian atau balasan, bahkan semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT dan menjunjung ketaatan kepada-Nya serta memupuk kasih sayang kepada manusia dan masyarakat seluruhnya. Keutamaan bersedekah ini amat digalakkan oleh Islam dan telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ
حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Bermaksud: “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”.

Berdasarkan ayat ini Allah memberi jaminan bahawa bersifat pemurah dan dermawan tidak akan mengurangkan harta malah punca pendapatannya akan ditambah selain mendapat saham pahala akhirat yang berterusan. Malah dalam beberapa hadith Sahih riwayat al-Bukhari menyebutkan bahawa para malaikat turut berdoa agar rezeki orang yang menderma bertambah. Sabda Rasulullah SAW:

" مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا "

Maksudnya: " Tidak ada satu hari hamba Allah berpagi pada hari itu, selain ia dihadiri dua malaikat; kemudian salah seorang daripada keduanya mendoakan: "Wahai Tuhan, berilah si dermawan itu ganti; dan salah satu malaikat lagi mendoakan : Wahai Tuhan, berilah orang yang bakhil itu kehancuran " .

Bukan itu sahaja, mereka yang diberkati sedekahnya akan mendapat penghormatan yang tinggi daripada Allah SWT dan malaikat sentiasa mendoakan kebaikan kepadanya. Oleh itu, tidak hairanlah bagaimana para sahabat yang begitu mengambil berat soal membudayakan infaq ini dalam kehidupan harian. Umpamanya, Saidina Abu Bakar yang telah mendermakan seluruh hartanya untuk Islam dan ummah tiada bandingannya. Ketika Rasulullah SAW bertanya Saidina Abu Bakar, apakah yang beliau tinggalkan untuk keluarganya, beliau menjawab, tiada apa-apa melainkan Allah dan Rasul-Nya sahaja. Demikianlah tingginya tahap pengorbanan dan kasih sayang yang dihayati oleh umat Islam terdahulu.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah,

Mimbar ingin menekankan bahawa sebenarnya sedekah bukan saja berbentuk kebendaan. Berinfaq lah mengikut kemampuan individu masing-masing. Bagi yang tidak mampu atau tiada harta, mereka boleh menyumbangkan usaha dan doa. Di sini mimbar ingin mengajak sidang jumaat yang dirahmati Allah untuk melakukan inovasi dalam melaksanakan amalan infaq atau sedekah ini. Inovasi dan kreativiti bukan sahaja diperlukan dalam pembelajaran, pengajaran, penyelidikan tetapi ia juga diperlukan dalam tuntutan untuk berinfaq ini. Hal ini disebut dalam hadith Rasulullah SAW:-

Daripada Abu Zarr r.a. juga, (beliau meriwayatkan): Bahawa sebahagian sahabat Rasulullah SAW berkata kepada Nabi SAW: Wahai Rasulullah! Orang-orang kaya telah mendapat banyak pahala. Mereka sembahyang sebagaimana kami sembahyang, mereka berpuasa sebagaimana kami berpuasa dan mereka bersedekah dengan lebih harta mereka. Baginda bersabda: Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu yang kamu boleh bersedekah dengannya? Sesungguhnya dengan setiap kali tasbih itu adalah sedekah, setiap kali takbir itu adalah sedekah, setiap kali tahmid itu adalah sedekah, setiap kali tahlil itu adalah sedekah, menyuruh amar ma'aruf itu sedekah, menegah mungkar itu sedekah dan pada kemaluan seseorang kamupun adalah sedekah. Mereka bertanya: Ya Rasulullah! Adakah apabila salah seorang kami melepaskan syahwatnyapun dia beroleh pahala? Baginda bersabda: Bagaimana pandangan kamu kalau dia melepaskan syahwatnya

pada tempat haram, adakah dia berdosa? Maka demikian jugalah apabila dia melepaskannya pada tempat yang halal, dia beroleh pahala. *Hadis riwayat al-Imam Muslim*

Menyentuh aspek infaq dalam konteks yang lebih luas, inovasi dan kreativiti mampu membuka dimensi yang lebih segar dan baru. Di USIM, pensyarah misalnya bukan sahaja boleh bersedekah wang ringgit tetapi boleh sahaja menginfakkan masanya untuk mendidik pelajar di luar waktu pekerjaan termasuk mengadakan kelas tambahan atau aktiviti yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Seorang doktor boleh sahaja menginfakkan sebanyak 5 pembedahan secara percuma bagi tempoh setahun sebagai infaq beliau. Seorang peguam boleh memperuntukkan sebanyak 5 kes setahun bagi mengendalikan kes secara percuma bagi mereka yang memerlukan. Begitu juga bagi pelajar, dengan masa yang begitu berharga, mungkin pelajar boleh menginfakkan masa untuk kerja-kerja amal dan kerja sosial untuk masyarakat terutamanya semasa cuti semester. Dalam hal ini kerja-kerja sukarelawan adalah amat bermanfaat. Selalu kedengaran, pertubuhan kebajikan dan amal yang bukan sahaja tidak punyai cukup dana tetapi kekurangan sukarelawan untuk membantu mereka melaksanakan kerja-kerja amal.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah sekalian,

Umat Islam diseluruh dunia adalah bersaudara kerana Islam adalah agama persaudaraan. Tali persaudaraannya diikat kuat oleh persamaan akidah. Dengan demikian apabila umat Islam di negara atau kawasan tertentu ditimpa malapetaka atau dizalimi, maka akan timbul perasaan atau keinginan untuk membantu meringankan penderitaan mereka. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: " *Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beroleh rahmat.*"

Bertepatan dengan tajuk khutbah pada hari ini mengenai Budaya Infaq, di kesempatan ini mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk bersama-sama berinfaq untuk saudara kita yang kini sedang menghadapi ujian yang amat berat khususnya di Gaza, Arakan, Myanmar dan Syria. Marilah kita sama-sama mendoakan keselamatan saudara-saudara kita ini yang kini dikhabarkan dalam keadaan tegang dan getir.

Berpeluang berada di Gaza baru-baru ini begitu menginsafkan. Saudara kita di Palestin benar-benar memerlukan pembelaan. Mereka kehilangan keluarga, rumahtangga, kemusnahan hartabenda, sekolah, hospital dan sebagainya. Gaza memerlukan bantuan kita untuk dibangunkan semula. Begitu juga di Arakan Myanmar, dilaporkan bahawa keadaan umat Islam yang diletakkan di dalam penempatan khas pihak berkuasa Myanmar kini berada dalam keadaan dhaif dan kesengsaraan. Mereka kini sangat-sangat memerlukan bantuan saudara seIslam untuk meneruskan kehidupan.

Dan yang paling kritikal ialah saudara kita di Syria. Konflik di Syria yang telah selama 20 bulan ini telah mengorbankan 27,600 nyawa, dan mengakibatkan 200,000 orang

menjadi pelarian di sempadan Turki, Jordan dan Lubnan. Ribuan rakyat yang tercedera, ratusan mati kerana kekurangan peralatan dan bekalan ubat, bayi mati kekurangan susu, dan kebanyakan rakyat di seluruh negara Syria kekurangan keperluan asas termasuk tempat tinggal dan makanan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa Syria memerlukan bantuan kemanusiaan bernilai hampir 700 juta USD dan keadaan di Syria menjadi semakin kritikal daripada masa ke semasa.

Sebagai saudara seakidah dan atas sifat peri kemanusiaan, maka kita berkewajipan terus menerus membantu mereka. Persaudaraan sesama Islam akan terbukti apabila kita turut merasa susah, sedih dan bersedia membantu, bilamana saudara kita sakit, susah dan menderita. Imam Muslim dan Ahmad telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادُّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Mathumnya: "Gambaran kehidupan orang yang beriman dari segi kasih sayang, saling bersimpati dan saling cinta mencintai samalah seperti anggota tubuh yang jika salah satu daripadanya mengadu kesakitan, ia melibatkan seluruh anggota lain yang tidak tidur malam dan demam".

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar menyeru marilah sama-sama kita mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mengamalkan amalan yang mulia ini dengan membantu sesama kita. Dengan kita bersedekah dan berinfaq mudah-mudahan hidup kita sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Justeru itu, pada hari yang penuh berkat ini, mimbar menyeru umat Islam memperbanyakkan amalan bersedekah dan infaq kerana (i) Bersedekah adalah antara tanda keimanan seseorang; (ii) bersedekah merapatkan tali persaudaraan dan menggembirakan ummah; (iii) Bersedekah menghapuskan dosa; (iv) bersedekah tidak memiskinkan seseorang malah menambahkan rezeki; dan (v) bersedekah adalah amalan para Rasul, Nabi dan orang-orang soleh.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Khutbah Kedua

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلِيَّ الصَّالِحِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا خَاتَمَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. رَأْمَابَعْد

My Dear beloved Jemaah,

On this blessed Friday, let us pray that Allah *subhanahu wataala* continues to protect our taqwa and our faith. Let us consistently strive to perform all of His commandments and avoid all of His prohibitions. Hopefully, we will be in an excellent condition during our meeting with Allah *subhanahu wataala*. and Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* in the hereafter. The topic for today's khutbah is 'The Importance of Infaq or Giving in the Way of Allah'.

My Dear Beloved Brothers,

Infaq has a very broad meaning. It constitutes all kind of expenditures given without any expectation of reward or return and just for the sake of Allah. Infaq can be for family's expenses for the wife and children, also it can be for the poor and the needy. There are many indications in Holy Quran that infaq is both an order and a strong recommendation. For instance in surah al baqarah verse 261, Allah says:- *The parable of those who spend their substance in the way of Allah is that of a grain of corn: it groweth seven ears, and each ear Hath a hundred grains. Allah giveth manifold increase to whom He pleaseth: And Allah careth for all and He knoweth all things.*

If a person spends his better parts of his goods, and the goods that he is personally fond of, and he does this under the name of infaq and only for the sake of Allah, he will reach the level of righteousness. This is affirmed by Allah SWT in surah al Baqarah verse 274, Allah says:- *Those who (in charity) spend of their goods by night and by day, in secret and in public, have their reward with their Lord: on them shall be no fear, nor shall they grieve.*

My Dear Beloved Jemaah,

The Infaq is a way to purify one's heart and mind. It is an unselfish act of worship. Infaq can bring numerous benefits in this world and hereafter. (i) Allah the Almighty will increase and guarantee your wealth. Through Infaq, the giver does not lose his or her income and wealth, because God guarantees that at least the same amount will be returned, if not more. (ii) Allah the Almighty will give you reward so you will not be fear or stressed. (iii) Infaq will strengthen family relation and enlarge social networking. (iv) Infaq can strengthen the spirit of brotherhood and solidarity. (v) Infaq can contribute to ummah development.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى نَبِيِّ الْمَصْطَفَى خَيْرِ الْأَنَامِ ، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ
بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا
صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَلِكَنَا، يَغِ دِفْرَتَوَانِ بَسْرِ نَضْرِي سَمْبِيَانِ دَارِ الْخُصُوصِ، تَوَانِكُو
مُخْرَزِ ابْنِ الْمَرْحُومِ تَوَانِكُو مُنُورِ وَأَيْدِهِ وَوَفَّقِهِ لِمَا تُحِبُّهُ وَتَرْضَاهُ، وَأَبِدْ
بُوجُودِهِ مَكَائِدَ أَهْلِ الظُّلْمِ وَالْكَفْرِ وَالْخِذْلَانِ،

اللَّهُمَّ ارزُقِ الْعَوْنَ وَالتَّوْفِيقَ، دَاتُوءَ كَلَانَا فِتْرَا، دَاتُوءَ حَاجِ مَبَارِكِ ابْنِ
ضَحَاكِ الْمَعْرُوفِ بَأَنْدَغِ لُؤَاقِ سُوغَايِ أُوْجُوعِ، وَأَيْدِهِ وَوَفَّقِهِ لِمَا تُحِبُّهُ
وَتَرْضَاهُ، بِحَرْمَةِ مَنْ أَرْسَلْتَهُ لِلْعَالَمِينَ رَحْمَةً وَبُشْرَى، وَدَاعِيَا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ
وَسِرَاجَا مُنِيرَا.

Ya Allah, Engkau berkatilah Universiti Sains Islam Malaysia serta warganya.
Jadikanlah kami dalam kalangan hamba-hamba-Mu yang sentiasa mendapat
hidayah, rahmah kesihatan dan kelapangan, serta jauhkanlah kami daripada bala-
bencana dan ancaman wabak mudarat serta penyakit al-wahn. Sesungguhnya
Engkaulah tempat kami memohon dan mengharapkan pertolongan.

عِبَادَ اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

أقيموا الصلاة...